

بُولَتِينُ الْإِسْلَامِيَّةِ كَلَامُ يَدْرِتْ إِسْلَامُ مَلِيْسِيَا سَرَاوَكْ



BIL. 1 / 2024

ISSN 2785-8790



BULETIN IKMAS JAKIM

SCAN ME



Laman Sesawang:
myikmas@islam.gov.my

ديسيمبر - افريل ، جمادى الأول - رمضان ١٤٤٥ هجرة



WARGA KERJA IKMAS 2024 "KITAKAN IKMAS"



MAJLIS KHATAM HAFAZAN
AL-QURAN PROGRAM DIPLOMA
TAHFIZ AL-QURAN DAN
AL-QIRAAT IKMAS 2024



MAJLIS KONVOKESYEN
CENTRE FOR TECHNOLOGY EXCELLENCE
SARAWAK (CENTEXS)
KALI KE-8 PELAJAR SEMESTER 4
DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH IKMAS



MAJLIS PELANCARAN
TAMAN WAKAF
DUSUN ILMU IKMAS



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak - IKMAS



myikmas

"IKMAS INSPIRASIKU"
"KITAKAN IKMAS"

SIDANG REDAKSI



PENAUNG
YBrs. Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan



KETUA EDITOR
Siti Nur Hidayah binti Kusnin



PENOLONG KETUA EDITOR
Siti Syarah binti Mohd Tawil



PEMBACA PRUF
Abdul Zaaba bin Buserah



PEMBACA PRUF
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali



KONSEP & REKA LETAK
Muhammad Faizul bin Kanaini



KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN
Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini



JURUFOTO
Irwandy bin Sarkawi

PENGHARGAAN ISTIMEWA
Pejabat Pengarah
Pejabat Timbalan Pengarah
Cawangan Khidmat Pengurusan
Cawangan Pendaftar
Cawangan Akademik
Cawangan Hal Ehwal Pelajar
Cawangan Pembangunan Insan
Unit Jaminan Kualiti

Isi Kandungan

- 2 Sidang Redaksi
- 3 Sekapur Sirih
- 3 Kalam Ketua Editor
- 4 Tokoh Alumni IKMAS
- 5 Bengkel Latihan Pengguna Portal MyIKMAS
- 5 Majlis Perhimpunan Bulanan Pelajar IKMAS dan Penyampaian Anugerah Pengarah
- 6 Majlis Penyampaian Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) dan Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Tahun 2023
- 7 Majlis Pelancaran Taman Wakaf Dusun Ilmu IKMAS
- 8 Kursus Asas Pengubatan Islam
- 8 Warga Kerja IKMAS 2024 "Kitakan IKMAS"
- 9 Program Bebas Rasuah
- 9 Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia Tahap 1
- 10 Majlis Konvokesyen Centre For Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) Kali Ke-8 Pelajar Semester 4 Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS
- 10 Program Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Israk Mikraj IKMAS
- 11 Program Al-Falak Bersama Jabatan Mufti Sarawak
- 12 Kursus Pengajian Kitab Turath (Safinaton Najah) Siri 1
- 12 Kursus Asas Fotografi (Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi)
- 13 Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat IKMAS 2024
- 13 Majlis Perhimpunan Siri 1 Tahun 2024 & Sambutan Ihya' Ramadan Perdana 1445H/2024M Bersama Warga Kerja JAKIM Sarawak dan IKMAS
- 14 Program Ihya' Ramadan IKMAS 2024
- 15 Lawatan Kerja dan Kunjung Hormat
- 16 Lawatan Kerja dan Kunjung Hormat
- 17 Pameran dan Promosi IKMAS
- 18 Sukan IKMAS (SUKMAS)
- 19 Artikel Staf
- 20 Artikel Staf
- 21 Jasamu Dikenang dan Anugerah Pekerja Contoh
- 22 Lensa
- 23 Lensa
- 24 Juh Masuk IKMAS

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin Allah SWT; kita dapat meneruskan penerbitan Buletin IKMAS bagi tahun 2024.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada ketua editor dan sidang redaksi yang telah berusaha sebaik mungkin bagi memastikan objektif penerbitan Buletin IKMAS tercapai. Penerbitan Buletin IKMAS tahun ini merupakan tahun keenam ia diterbitkan.

Tidak dilupakan juga penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan kepada sidang redaksi sehingga buletin ini diterbitkan. Ini termasuk dari kerjasama perkongsian pelbagai jenis berita, aktiviti atau program serta pencapaian warga IKMAS. Buletin IKMAS ini juga merupakan suatu platform berbentuk kekal sebagai dokumentasi sejarah kejayaan IKMAS dalam mencapai halatuju yang dirancang. Secara tidak langsung, ia adalah ejen promosi IKMAS kepada semua masyarakat Muslim di seluruh Sarawak. Adalah diharapkan melalui penerbitan sebegini, IKMAS terus dikenali sebagai IPT terulung dalam Pengajian Islam di bumi Darul Hana ini

Terima kasih daripada saya mewakili pihak IKMAS kerana memilih Buletin IKMAS sebagai bahan bacaan anda. IKMAS Inspirasiku!



Kalam Ketua Editor

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Segulai Sejalai. Alhamdulillah syukur dengan izin-Nya, Buletin IKMAS telah berjaya diterbitkan.

Sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi yang diurus tadbir oleh JAKIM, IKMAS sentiasa komited melaksanakan program-program akademik dan juga pembangunan insan dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak.

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai sepanjang dua puluh (20) tahun keberadaan IKMAS di tanah bumi Sarawak bertuah ini telah dijelmakan dalam bentuk laporan, hebahan, promosi dan juga penerbitan berkala seperti buletin yang ada pada tangan pembaca hari ini. Meskipun kebanyakannya adalah berbentuk berita dan gambar; jelas terkandung di dalamnya usaha jitu setiap kakitangan sama ada pengarah, para pegawai atau pensyarah, pelajar dan juga pekerja di IKMAS untuk menjayakannya.

Sesungguhnya, walau kecil di mata orang lain namun ia dianggap besar di mata kami kerana tanpa komitmen berterusan, maka tiada maknanya buletin ini berjaya diterbitkan. Setiap dari kita walau sekecil manapun amalannya tetap akan dinilai, seperti firman Allah SWT dalam surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 yang bermaksud; “Sesungguhnya setiap amalan walau sekecil zarah tetap akan dinilai dan dihisab, sama ada amalan kebaikan ataupun kejahatan”.

Semoga usaha kecil IKMAS menerbitkan buletin ini dinilai sebagai ibadah di sisi Allah SWT sebagai medium dakwah kepada semua yang membaca.

“Bukan hanya sekadar kertas”

Wallahua'lam bissawab.

Sekian, terima kasih.





HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

Besarliah harapan beliau untuk melihat IKMAS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang dan terbilang dalam menawarkan pendidikan berkualiti berpaksikan bidang keagamaan. Seterusnya, kegigihan IKMAS dalam melahirkan kebolehpasaran graduan yang mampu bersaing di peringkat global dan menjadi ikon kepada remaja di luar sana mahupun di Sarawak dan Malaysia.

Beliau amat bangga menjadi sebahagian daripada alumni IKMAS dan memberi pesanan ringkas kepada pelajar IKMAS; "Berjuanglah sehabis baik, ambik peluang mendalami ilmu agama. Insha-Allah akan berjaya dunia akhirat" yang memberi makna besar untuk membentuk keperibadian diri agar senantiasa menyumbang khidmat bakti dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat terutamanya beragama Islam.

Semoga IKMAS akan berkembang maju seiring dengan evolusi sistem pengurusan dan teknologi semasa bagi mendepani arus dunia digital pada masa sekarang. Impian saya juga untuk IKMAS sukses membentuk kemenjadian pelajar yang tidak hanya cemerlang dalam aspek keagamaan, akademik dan sahsiah malah memiliki kemahiran kognitif berkelas tinggi dan mampu bersaing di peringkat global.



Sesi temuramah yang dijalankan bersama Encik Mohamad Fazrin bin Fadzil

KENALI TOKOH ALUMNI IKMAS

(USTAZ MOHAMAD FAZRIN BIN FADZIL)

Beliau dilahirkan pada 1 Mei 1982 di Hospital Daerah Lundu, Sarawak dan merupakan anak ke-2 daripada 8 orang adik beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan telah dikurniakan 2 cahaya mata lelaki dan Perempuan. Beliau merupakan alumni IKMAS ambilan yang pertama pada tahun 2000 hingga 2003. Kini, beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak dan telah berkhidmat selama tempoh 16 tahun bermula 01 April 2008 hingga kini.



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ☞ SK Batu Lintang, Kuching (1989 hingga 1994)
- ☞ SMK Agama Matang, Kuching (1995 hingga 1999)
- ☞ Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Diploma Pengajian Islam dan Dakwah kini dikenali sebagai Diploma Dakwah Islamiyyah (2000 hingga 2003)
- ☞ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan), (2009 hingga 2013)

KERJAYA

- ☞ Guru Sandaran SK Muara Tebas, SK Pulo dan SK Astana
- ☞ Setiausaha Kursus, Biro Tatanegara Cawangan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri
- ☞ Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Nikah, Cerai dan Ruju', Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, JAIS
- ☞ Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan, JAIS
- ☞ Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Sarawak

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- ☞ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), tahun 2023
- ☞ Jawatankuasa Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JAIS (KESUJA)
- ☞ Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)
- ☞ Jawatankuasa Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)
- ☞ Fasilitator dan Penceramah Kursus Pra Perkahwinan Islam, Kursus Pasca Perkahwinan dan program berkaitan dengan kekeluargaan Islam
- ☞ Wakil pertandingan sukan peringkat Jabatan, Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAM) Sarawak
- ☞ Konvensyen Pegawai Hal Ehwal Islam dan wakil sukan Ijtima' Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM)

BENGKEL LATIHAN PENGGUNA PORTAL MYIKMAS



IKMAS telah menerima kehadiran dari Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM iaitu Encik Mohd Khairulnizam bin Rosly; Penolong Pengarah Kanan, Puan Syakirah Adibah binti Mohd Ghazali; Pegawai Teknologi Maklumat, manakala pegawai dari Darul Quran, Encik Azizuddin bin Mohd Hashim; Pendaftar dan Puan Rosfaliza binti Mohamad @ Che Rus; Juruteknik Komputer bagi tujuan taklimat portal myIKMAS dan diskusi penyediaan Kertas Kajian Keperluan Peningkatan Sistem myIKMAS yang diadakan di Makmal Komputer IKMAS.

Bengkel ini dihadiri oleh kakitangan IKMAS yang terlibat sebagai pentadbir portal myIKMAS. Peserta telah didedahkan dengan sistem penggunaan portal myIKMAS dengan lebih teliti, selain daripada permasalahan yang dihadapi dalam penggunaan portal myIKMAS serta cadangan penambahbaikannya.

Semoga pelaksanaan bengkel selama 2 hari ini akan memberi banyak manfaat kepada kakitangan IKMAS dalam usaha pembangunan dan peningkatan sistem baharu E-Kampus IKMAS.

8 Disember 2023

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PELAJAR IKMAS DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGARAH

IKMAS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Pelajar IKMAS dan Penyampaian Anugerah Pengarah di Dewan Kenyalang, IKMAS. Majlis ini melibatkan siswa dan siswi Diploma Dakwah Islamiyyah Semester 2 dan 4 manakala Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Semester 2, 4 dan 6.

Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan menyampaikan amanat berkaitan disiplin dan peraturan yang mesti dipatuhi di IKMAS serta menggalakkan siswa dan siswi IKMAS belajar bersungguh sungguh.

Seterusnya, Penyampaian Anugerah Pengarah kepada siswa siswi yang memperolehi CGPA 3.67 dan ke atas. Tahniah diucapkan kepada siswa siswi IKMAS atas pencapaian tersebut.





MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PROFESIONALISME IMAM SARAWAK (SPIS) DAN SIJIL PROFESIONALISME PENGURUSAN MASJID SARAWAK (SPPMS) TAHUN 2023



Tahniah dan syabas diucapkan kepada 41 orang penerima Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) dan 61 orang penerima Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) yang diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) dan Sijil Profesionalisme Pengurusan Masjid Sarawak (SPPMS) Tahun 2023 di Dewan Kompleks Islam Sarawak, Kuching.

Majlis diserikan dengan persembahan angklung dari Madrasah Datuk Hj. Abdul Kadir Hasan semasa perarakan masuk Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti), Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman Junaidi, diiringi oleh Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan bersama tetamu jemputan. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran oleh imam-imam masjid di bahagian Sarawak.

Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman Junaidi, telah menyempurnakan majlis penyampaian sijil serta penyampaian Anugerah Peserta Terbaik kepada Encik Azyzy bin Ahmad, Encik Azaharishah Othman bin Sazali, Puan Nurul Syahirah binti Ishak dan Hajah Sallyna binti Narodden.



Majlis Pelancaran

TAMAN WAKAF DUSUN ILMU IKMAS



IKMAS telah mengadakan Majlis Pelancaran Taman Wakaf Dusun Ilmu IKMAS yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS), Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu bin Haji Taha.

Timbalan Pengarah IKMAS, Encik Abd Malek bin Ghazali telah membentangkan projek tanaman buah-buahan tempatan di sekitar IKMAS. Seterusnya, Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu bin Haji Taha turut mengambil bahagian menanam pokok sebagai gimik pelancaran majlis sekaligus merasmikan Taman Wakaf Dusun Ilmu IKMAS.

Majlis diteruskan lagi bagi sesi amanat Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu bin Haji Taha kepada kakitangan IKMAS termasuk para pelajar IKMAS di Auditorium al-Wadi. Beliau berasa amat berbesar hati merasmikan Majlis Pelancaran Taman Wakaf Dusun Ilmu IKMAS dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga IKMAS yang telah menjayakan projek taman wakaf ini. Selain itu, beliau juga menekankan aspek kepimpinan kepada siswa IKMAS yang tidak hanya tertumpu kepada bidang keagamaan malah memantapkan diri dan pengetahuan dengan kemahiran teknologi dan sains dari masa ke masa. Beliau amat berhasrat agar IKMAS melahirkan golongan muda sebagai pelapis pemimpin pada masa akan datang bukan sahaja di Sarawak malah seantero Asia.

Akhir kata, majlis turut diserikan dengan persembahan qasidah oleh Kumpulan Raudatul Muhibbin, *choral speaking* yang dikombinasikan dengan dikir barat dan nasyid.

Semoga projek Taman Wakaf Dusun Ilmu IKMAS ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua warga IKMAS dan penduduk setempat di kawasan sekitar Kampung Telaga Air.



KURSUS ASAS PENGUBATAN ISLAM

Siswa IKMAS menyertai Kursus Asas Pengubatan Islam yang dianjurkan oleh Seksyen Pembangunan Komuniti, IKMAS.

Matlamat kursus ini adalah memberi pendedahan ilmu asas pengubatan Islam kepada peserta.

Para peserta turut didedahkan dengan kaedah mengenal sihir, ayat-ayat ruqyah, serta simulasi asas pengubatan Islam terhadap individu dan juga di asrama pelajar. Peserta akan dapat membezakan antara pengamalan yang diterima oleh syarak ataupun yang bertentangan. Melazimi bacaan al-Quran setiap hari serta mengamalkan zikir-zikir dapat menjadi pelindung diri dan ahli keluarga kita daripada sebarang gangguan.

Kursus ini telah dipimpin oleh Ustaz Mohamad Zamri bin Abdul Rahman dan tenaga pengajar dari Darul Syifa' Kuching.

Semoga matlamat program yang dirancang akan tercapai dan bermanfaat kepada siswa untuk diamalkan.



26 Januari 2024

WARGA KERJA IKMAS 2024 "KITAKAN IKMAS"

Sorotan lensa sesi bergambar korporat IKMAS pada tahun 2024 di bawah pucuk pimpinan Pengarah IKMAS, Tuan Haji Haniffuddin bin Roslan.

Semoga warga kerja IKMAS akan terus cemerlang dalam mengorak langkah untuk memajukan IKMAS dan menjadi inspirasi kepada komuniti setempat terutamanya siswa siswi IKMAS.



Cawangan Akademik



Cawangan Khidmat Pengurusan



Cawangan Pendaftaran



Cawangan Hal Ehwal Pelajar



Cawangan Pembangunan Insan



Unit Jaminan Kualiti

PROGRAM BEBAS RASUAH

Selari dengan Dasar Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah, Program Bebas Rasuah merupakan inisiatif IKMAS untuk meningkatkan kesedaran memerangi rasuah sekaligus memupuk nilai integriti dalam kalangan warga kerja IKMAS.

Program ini telah diadakan di Mini Auditorium IKMAS yang dimulakan dengan sesi taklimat daripada Penolong Kanan Penguasa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Encik Abdul Kadir bin Mohammad.

Selanjutnya, Lafaz Ikrar Bebas Rasuah diketuai oleh Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan bersama warga kerja IKMAS dan disaksikan oleh Penolong Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Encik Muhammad Azis bin Malmood.

Ikrar dan aku janji yang dilakukan oleh warga kerja IKMAS secara sukarela atas kapasiti individu bertujuan untuk menjauhkan diri daripada sebarang risiko rasuah dalam perkhidmatan.



Kursus Asas

27 – 28 Januari 2024

BAHASA ISYARAT MALAYSIA TAHAP 1

Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia Tahap 1 telah diadakan sebagai memberi nilai tambah kepada siswa IKMAS menguasai pelbagai bahasa untuk menjadi pendakwah yang holistik.

Penyertaan siswa dan siswi dalam kursus ini berupaya memberi keyakinan untuk berkomunikasi bersama komuniti OKU pendengaran atau pertuturan sekaligus menjalin hubungan kerjasama dengan agensi luar.

IKMAS merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada penceramah jemputan; Encik Albert Wong Tuong Chui bersama 3 orang fasilitator; Encik Wan Arif Mahmud bin Wan Umar, Encik Ngu Swee Hong, Encik Chua Tuan Sek dari Persatuan Orang-Orang Pekak Sarawak.



MAJLIS KONVOKESYEN CENTRE FOR TECHNOLOGY EXCELLENCE SARAWAK (CENTEXS) KALI KE-8 BAGI PELAJAR SEMESTER 4 DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH IKMAS

Seramai 49 orang pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS menghadiri Majlis Konvokesyen CENTEXS Kali Ke-8 yang disempurnakan oleh Premier Sarawak, Yang Berhormat, Datuk Patinggi Tan Sri (DR) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Siswa IKMAS berjaya menamatkan pengajian sijil kemahiran CENTEXS dalam bidang FTTX OSP Hardware Installation Specialist, Foundation Certificate in Digital Marketing dan Android Mobile Application Development.

Sijil kemahiran ini merupakan nilai tambah kemahiran insaniah kepada siswa IKMAS selain memiliki Diploma Dakwah Islamiyyah untuk bersaing di peringkat global dan mengoptimalkan kebolehpasaran mereka. Syabas dan Tahniah!



Program Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Israk Mikraj IKMAS

Bulan Rejab menyimpan sebuah peristiwa menakjubkan dalam sejarah Islam iaitu Israk dan Mikraj di mana Nabi Muhammad SAW diperjalankan dari Masjidil Haram ke Masjid Al-Aqsa (Isra') dan Baginda SAW naik dari langit pertama sehingga ke Sidratul Muntaha untuk bertemu Allah SWT.

Bersempena menghayati peristiwa ini, IKMAS telah menganjurkan Ceramah Israk Mikraj yang disampaikan oleh Ketua Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Sarawak; Encik Muhd Ilyas Bin Muhd Saleh bertajuk "Implementasi Iktibar Perjalanan Israk Mikraj".

IKMAS turut mengadakan program perhimpunan bulanan dan didahului dengan ucapnama daripada Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan.

Marilah kita perbanyakkan berzikir dan berselawat sempena menghayati peristiwa agung ini. Semoga dapat mengambil iktibar daripada peristiwa Israk Mikraj ini dan seterusnya menjadikan kita sebagai umat Islam lebih baik dari semalam.



Program Al-Falak

JABATAN MUFTI SARAWAK 1445H

2024M

Program Al-Falak bersama Jabatan MUFTI Sarawak



Program Al-Falak merupakan satu medium perkongsian ilmu mengenai kepentingan ilmu falak serta kaitannya dengan akidah dan ibadah kepada siswa IKMAS selaku Pusat Pendidikan Tinggi JAKIM.

Justeru itu, Jabatan Mufti Sarawak dengan kerjasama IKMAS menganjurkan program ini bagi meningkatkan kesedaran berkaitan ilmu falak dalam kalangan generasi muda selain dapat menanam minat siswa IKMAS untuk mendalami ilmu falak.

Antara maklum balas peserta ialah merasa teruja kerana mendapat ilmu baru berkaitan falak terutamanya kemahiran penentuan waktu solat, penentuan arah kiblat, kaedah cerapan anak bulan dan lain lain."

Aktiviti reka cipta diadakan dengan penghasilan 10 model reka cipta seperti model istiwa azam (peristiwa matahari di atas kaabah), model planetirium IKMAS, model cakrawala dan lain lain.

Program ini dihadiri oleh 106 orang peserta dalam kalangan pelajar semester 2 Diploma Dakwah Islamiyyah. Majlis penangguhan telah disempurnakan oleh Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin; Mufti Negeri Sarawak dan hadir bersama Sahibul Fadhliah Tuan Haji Mual bin Haji Saud; Pengarah Jabatan Mufti Sarawak, Haji Wan Shaifuddin bin Haji Wan Madihi; Timbalan Pengarah Jabatan Mufti Sarawak; dan Encik Abd Malek bin Ghazali; Timbalan Pengarah IKMAS.

Kesimpulannya, program ini amat memberi impak dan kemaslatan kepada IKMAS terutamanya pelajar. Oleh itu, program ini akan dijadikan program tahunan IKMAS bersama Jabatan Mufti Sarawak.



KURSUS PENGAJIAN KITAB TURATH

Safinatur Najah SIRI 1

Kursus Pengajian Kitab Turath (Safinatur Najah) Siri 1 dihadiri seramai 52 orang peserta dalam kalangan warga kerja JAKIM, JAIS, Kader JAKIM, KEMAS, IKMAS, Imam dan Guru Takmir. Kursus sebegini penting dalam meningkatkan ilmu para peserta dalam bidang fekah dan kebolehan menguasai kitab turath.

Ustaz Mohamad Firdaus bin Mohamad Sabri; Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Sarawak dijemput sebagai penceramah kursus.

Kursus ini mempunyai 4 siri dan peserta perlu melengkapkan keempat-empat siri bagi melayakkan mendapat sijil kursus.



21 – 22 Februari 2024

KURSUS asas FOTOGRAFI (MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI)



Pada masa ini, penggunaan kamera sangat penting dalam majlis rasmi mahupun tidak rasmi. Kursus ini mengajar teknik yang digunakan oleh jurugambar profesional dalam kerja mereka. Peserta didedahkan dengan teori serta latihan praktikal supaya pembelajaran lebih mudah difahami.

Kursus ini dianjurkan bagi memberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai kawalan asas penggunaan Kamera DSLR (*Digital Single Lens Reflex*) dan telefon pintar (*smartphone*) dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai teknik-teknik tertentu dalam menghasilkan gambar yang berkualiti. Pengisian program merangkumi ceramah tentang kamera *DSLR*, *Shutter Aperture*, *ISO*, telefon pintar (*smartphone*) dan aktiviti lapangan.

Sepanjang 2 hari kursus ini dilaksanakan para peserta memberi maklum balas yang positif antaranya mengharapkan kursus ini dijadikan kursus tahunan bagi mengasah lagi kemahiran fotografi peserta. Tambahan pula, hasil daripada kursus ini para peserta telah diajar secara praktikal mengenai kawalan kamera dan telefon pintar (*smartphone*) serta melakukan aktiviti *shoot picture* bagi menguji tahap keberkesanan sesi pengajaran tersebut. Para peserta juga didedahkan dengan penyuntingan gambar menggunakan *Adobe Lightroom*.

Kursus Asas Fotografi (Majlis Rasmi Dan Tidak Rasmi) ini merupakan anjuran Unit Komunikasi Korporat IKMAS yang menyasarkan 30 orang peserta termasuk warga kerja IKMAS, Jabatan Mufti dan JAKIM Sarawak. Encik Ariffin Mohamad dan Encik Mohd Luizman Abdullah dijemput sebagai penceramah kursus.

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT IKMAS 2024

IKMAS meraikan siswa semester 6 Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat IKMAS yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran.

Turut hadir para ibu bapa dan keluarga serta para pensyarah. Majlis ini dirasmikan oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan; Pengarah IKMAS.



15 Mac 2024

MAJLIS PERHIMPUNAN SIRI 1 TAHUN 2024 & SAMBUTAN IHYA' RAMADAN PERDANA 1445H/2024M BERSAMA WARGA KERJA JAKIM SARAWAK DAN IKMAS

Majlis perhimpunan warga kerja JAKIM Cawangan Sarawak dan IKMAS telah diadakan di Auditorium Al-Wadi, IKMAS. Pengarah IKMAS; Haji Hanifuddin bin Roslan menyatakan bahawa anjuran perhimpunan seperti ini akan diadakan sebanyak 4 kali setahun sebagai platform komunikasi di antara kedua-dua jabatan. Pengarah JAKIM Sarawak; Encik Hamdan bin Jar'ee dalam ucapan aluan juga amat menggalakkan perhimpunan sebagai satu medium perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan program yang melibatkan implikasi kewangan.

Anugerah Pekerja Contoh diberikan sebagai penghargaan kepada kakitangan yang memberikan komintmen yang tinggi serta keperibadian yang boleh dicontohi dalam menjalankan tugas. Tahniah diucapkan kepada 4 warga kerja IKMAS dan JAKIM Sarawak atas penerimaan Anugerah Pekerja Contoh bagi tahun 2023.



**PROGRAM AMBANG
RAMADAN DAN
SAMBUTAN HARI WANITA
ANTARABANGSA 2024**



**PROGRAM KASIH
RAMADAN BERSAMA YANG
DIPERTUA MAJLIS ISLAM
SARAWAK**



**PROGRAM SEMARAK
RAMADAN DAN TAHLIL
PERDANA**



**PROGRAM AGIHAN BUBUR
LAMBUK IKMAS 2024**



PROGRAM IHYA' RAMADAN IKMAS 2024

LAWATAN KERJA & KUNJUNG HORMAT

Kunjung Hormat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak ke IKMAS



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■ ► 9 JANUARI 2024 ■■■

Kunjung Hormat Jawatankuasa Surau Al Islah Dan Unit Pendidikan Islam Kolej Vokasional Matang ke IKMAS



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■ ► 17 JANUARI 2024 ■■■

Kunjung Hormat Pengarah Tabung Haji Wilayah Sabah Dan Sarawak ke IKMAS



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■ ► 18 JANUARI 2024 ■■■

Kunjungan Hormat Pengarah IKMAS ke Islamic Information Centre (IIC)



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■ ► 25 JANUARI 2024 ■■■

LAWATAN KERJA & KUNJUNG HORMAT

Lawatan Kerja Rasmi IKMAS ke Institut Pengajian Tinggi dan Latihan Dakwah di Semenanjung Malaysia



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ► 29 JANUARI 2024 ■■■

Lawatan Penanda Aras Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor ke IKMAS



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ► 5 MAC 2024 ■■■

Kunjung Hormat IKMAS ke Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ► 11 MAC 2024 ■■■

Kunjung Hormat Persatuan Kebajikan Pelajar Islam Sarawak (PERKEPIS) ke IKMAS



■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ■■■■■■■ ► 18 MAC 2024 ■■■

PAMERAN DAN PROMOSI IKMAS

3 Disember 2023 - Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Regata Telaga Air



4 KODAK EB-2



▶//////////

....



4 KODAK EB-2

24 Januari 2024 - Pameran IKMAS di SMK Siburan Sempena Menuju Puncak Calon-Calon Pelajar SPM Tahun 2023
(Program Kerohanian)



4 KODAK EB-2



▶//////////

....



4 KODAK EB-2

18 - 21 Februari 2024 - Pameran Promosi IKMAS Sempena Konvokesyen dan Festival Nasyid Saudara Kita Peringkat Sarawak
Kali Ke-10



4 KODAK EB-2



▶//////////

....



4 KODAK EB-2

2 Mac 2024 - Pameran Promosi IKMAS Sempena Program Sehari Bersama Komuniti (SEBATI) Madani di Masjid Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Yaakub, Kampung Sadong Jaya



4 KODAK EB-2



▶//////////

....



4 KODAK EB-2

5-9 Mac 2024 - Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Majlis Tilawah Dan Menghafaz al-Quran Peringkat Sarawak Kali Ke 62
di Dewan Suarah Limbang



4 KODAK EB-2



▶//////////

....



4 KODAK EB-2

Kejohanan Santai Petanque Double Tertutup Agensi Islam

IKMAS telah menghantar 4 pasukan Petanque yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan IKMAS untuk menyertai Kejohanan Santai Petanque Double Tertutup Agensi Islam di Padang Petanque, Institut Kemahiran Mara (IKM), Kuching.

Kejohanan di bawah anjuran HIKMAH, Kuching ini dapat meningkatkan keyakinan dan sifat berani dalam pasukan IKMAS untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, bersaing secara sihat bersama masyarakat awam sekaligus merapatkan hubungan silaturahim antara IKMAS dan agensi-agensi Islam yang lain.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan IKMAS yang telah berjaya hingga ke peringkat 16 terbaik dan satu lagi kumpulan IKMAS berjaya mengambil tempat ke peringkat 6 terbaik untuk *Silver Plate Cup*. Semoga kejayaan ini dapat menjadi inspirasi kepada IKMAS untuk terus berdaya saing dalam sukan petanque.

Kejayaan ini mampu menjadi pembakar semangat buat pasukan IKMAS untuk terus maju dan mara ke hadapan.



SUKMAS Hari Jumaat (Dogdeball)

SUKMAS merupakan Sukan IKMAS yang dianjurkan pada setiap bulan bagi meningkatkan kecergasan fizikal di samping merapatkan hubungan warga kerja IKMAS. SUKMAS pada kali ini ialah aktiviti *dogbeball* yang dibahagikan kepada kategori lelaki dan wanita.

Aktiviti sukan bukan sahaja menerapkan gaya hidup sihat malah memastikan tahap kecerdasan mental sentiasa pada tahap optimum agar berupaya melakukan tugas kerja dengan baik.





Dr. Abdelwares Mohamed Ali Hassan
Pensyarah S44 (K)

فلسطين في السنة النبوية على صاحبها أفضل الصلاة وأتم التسليم

الحمد لله الذي هدى أهل الإيمان لمحبتة وطاعته، وهداهم لمعرفة حلمه وفضله، وألهمهم ذكره وشكره، فله الحمد والمنة، والصلاة والسلام على سيدنا محمد و على آله وأصحابه الطاهرين الكرام، ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين، أما بعد.

لقد حظى المسجد الأقصى المبارك قسطا كبيرا، واهتماما بالغا من أحاديث رسول الله -ﷺ- وذلك لما له من أهمية كبيرة، وكيف لا، وهو أولى القبلتين، وثالث الحرمين، ومسرى رسول -ﷺ- فأحببت أن ألقى الضوء على مكانة هذا البلد العظيم، وبشريات النبي -ﷺ- بزوال هذا الكيان الظالم الغاشم عاجلا أم آجلا، وسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ" سورة الشعراء (227)، وذلك من خلال مقتطفات من الأحاديث النبوية التي تتكلم عن فضائل الأقصى المبارك، وذلك تزامنا مع هذه الأحداث المؤسفة التي يمر بها الشعب الفلسطيني خلال هذه الايام منذ اليوم السابع من شهر أكتوبر 2023، حيث هجمات الاحتلال الإسرائيلي التي يزعم بها الرد بما على عملية طوفان الأقصى، والتي راح ضحية هذه الهجمات الإسرائيلية كثيرا من الشهداء في فلسطيني، فضلا عن الجرحى والمنكوبين.

في وقت أصبحت فيه القوى الكبرى، تدعم فيه الظلم والظالمين، والتي لطالما تشددت به من كلمات رنانة في حقوق الإنسان، ووضعت لها منظمات وأدوات رقابية، وأمست اليوم تجتمع فيه على الإسلام والمسلمين بالقتل والإعتداء والدمار، وتكتمت فيه أفواه الشرفاء عن قول كلمة الحق، ونصرة المظلوم، إن ماتشهده فلسطين الآن هو إبادة كبرى لهذا الشعب المسلم، وسيسجل التاريخ ذلك كله.

إن فلسطين أرض الميعاد وأرض المحشر والمنشر، وأرض الطيبين المباركين وستبقى خالدة خلود الزمان حتى يأتي أمر الله. قال النبي -ﷺ-: "لا تزال طائفة من أمتي على الدين ظاهرين، لعدوهم قاهرين، لا يضرهم من خالفهم إلا ما أصابهم من لأواء، حتى يأتيهم أمر الله. وهم كذلك"، قالوا: يا رسول الله وأين هم؟ قال: "ببيت المقدس وأكناف بيت المقدس"⁰. وقال النبي -ﷺ-: (لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: مَسْجِدِي هَذَا، وَمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى)¹، وعبارة مسجدي هذا يعني بها المسجد النبوي الشريف الذي يقع في المدينة المنورة. وروي أبو هريرة رضي الله عنه عن النبي -ﷺ- أنه قال: "لا تقوم الساعة حتى تقاتلوا اليهود حتى يقول الحجر وراءه اليهودي تعال يا مسلم هذا يهودي ورائي فاقتله"، وفي لفظ مسلم: "لا تقوم الساعة حتى تقاتلوا اليهود حتى يحتبئ اليهودي وراء الحجر والشجر فيقول: الحجر والشجر: يا مسلم يا عبد الله هذا يهودي خلفي فتعال فاقتله إلا الغرقد"². وروى الطبراني: أن رسول الله -ﷺ- قال: (عليكم بالشام، فإنها صفوة بلاد الله يسكنها خيرته من خلقه). نسأل الله العظيم رب العرش العظيم أن يرفع الظلم عن إخواننا في فلسطين، وفي جميع بلاد المسلمين.

أخرجه الإمام أحمد في مسنده، وأخرجه أيضا الطبراني. قال الهيثمي في الجمع ورجاله ثقات. والله أعلم. حديث صحيح، رواه الشيخان البخاري ومسلم في الصحيحين وغيرهما،

² أخرجه البخاري في صحيحه.

³ صحيح، رواه الشيخان البخاري ومسلم في الصحيحين.



Noor Afiqah binti Che Mustapa
Pegawai Hal Ehwal Islam S41

MADANI DALAM KONTEKS MAQASID SYARIAH

MADANI membawa maksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan untuk membentuk masyarakat dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan supaya terarah kepada pembinaan masyarakat yang lebih baik. 6 teras Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10 iaitu Dato' Sri Anwar bin Ibrahim adalah Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Teras ini menjurus kepada 5 dimensi pasca normal yang dihadapi di Malaysia iaitu perubahan kehidupan selepas covid-19 berkaitan kerumitan, percanggahan, kekacauan, keserentakan dan masa hadapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju.

Teras MADANI yang diperkenalkan juga terarah kepada penjagaan 5 prinsip asas Maqasid Syariah iaitu menjaga agama (hifz din), menjaga nyawa (hifz nafs), menjaga akal (hifz aql), menjaga keturunan (hifz nasl) dan menjaga harta (hifz mal). Teras **kemampanan**, menjurus kepada kelangsungan hidup manusia merangkumi masyarakat yang tinggal di luar bandar dan di kawasan bandar. Perkara ini sejajar dengan ajaran Islam iaitu kewajipan dalam **menjaga agama (hifz din)** serta tidak menidakkan keberadaan agama-agama lain di Malaysia. Rakyat Malaysia selayaknya diberi peluang dalam menghayati agama yang dianuti seperti yang termaktub di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Seterusnya, teras **kesejahteraan** dan **hormat** adalah sebuah konsep yang merangkumi keseimbangan jasmani dan rohani dalam mengembangkan potensi diri melalui cara baik tanpa perlu mengorbankan pihak-pihak tertentu. Perkara ini selari dengan prinsip asas Maqasid Syariah dalam **menjaga nyawa (hifz nafs)**. Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-Isra: 7 "Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedah kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan, maka kesannya yang buruk berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila tiba masa membalas perbuatan derhaka kamu kali kedua, Kami datangkan musuh-musuh kamu untuk memuramkan muka kamu dengan penghinaan dan keganasannya untuk memasuki masjid BaitulMaqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai."

Selain itu, teras **daya cipta** pula ditakrifkan sebagai idea baharu yang merubah sesuatu perkara menjadi lebih cekap samaada dengan menggunakan teknologi baharu atau evolusi digital. Teras ini sangat dekat dengan prinsip asas Maqasid Syariah dalam **menjaga akal (hifz aql)**. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Isra ayat 36: "Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran, penglihatan, hati serta semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang perkara yang dilakukannya. Ayat ini menyeru umat Islam untuk menggunakan akal berdasarkan fitrah manusia untuk mencari kebenaran dan menghindari kesesatan. Dalam hal ini, akal menjadi pembimbing dalam mencapai pemahaman dan kesedaran, mengikut kehendak Allah SWT.

Akhir sekali, teras **keyakinan** menggambarkan kepercayaan terhadap ahli kumpulan dalam melaksanakan sesuatu tugas serta bersifat **ihsan** dan mengambil peduli antara satu sama lain. Sifat murni ini menunjukkan rakyat Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab sosial yang menyeluruh tanpa membezakan kelompok-kelompok minoriti. Perkara ini selari dengan perkara asas Maqasid Syariah iaitu dalam **menjaga harta (hifz mal)** dan **menjaga keturunan (hifz nasl)**. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 63 "Dan Dia lah yang menyatu-padukan di antara hati mereka yang beriman itu. Kalaupun engkau belanjakan segala harta benda yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara hati mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." Oleh itu, teras MADANI yang diperkenalkan ini mampu menjadikan rakyat Malaysia yang bersatu hati serta sebagai sebuah negara maju pada masa akan datang.

Jasamu Dikenang



Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin
Pegawai Hal Ehwal Islam S48

Bertukar ke: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)



Armi binti Halit
Pegawai Hal Ehwal Islam S44

Bertukar ke: Jabatan Agama Islam Wilayah Pesekutuan (JAWI)



Syafieqa Amalin binti Shaudi
Pegawai Hal Ehwal Islam S41(K)

BERPINDAH



Muhammad Furqan bin Nuruddin
Pegawai Hal Ehwal Islam S41(K)

BERPINDAH



Dayang Nurul Izzah binti Wasli
Pegawai Hal Ehwal Islam S41(K)

BERPINDAH



Nurshahira binti Rosli
Personel Mystep 29

BERPINDAH

ANUGERAH PEKERJA CONTOH

Sempena Perhimpunan Warga JAKIM Sarawak Dan IKMAS



Hirman bin Kassim
Personel Mystep 29



Dyg Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini
Personel Mystep 29



LENSA



**5 DISEMBER 2023 –
LAWATAN KERJA
BAGI BENGKEL
PEMBANGUNAN
INSTRUMEN FALAK**



**14 DISEMBER 2023 –
PROGRAM
KECERGASAN
BERSAMA
SK TEMENGGONG**



**15 DISEMBER 2023 – TAKLIMAT
PENILAIAN SISTEM MODUL
GENERASI RABBANI IKMAS**



**25 JANUARI 2024 – IKMAS
BERSELAWAT
TAHUN 2024**



**31 JANUARI
2024 – LAWATAN
SUSULAN YDP
MAJLIS ISLAM
SARAWAK KE
TAPAK PEMBINAAN
MASJID BARU
IKMAS**



**30 JANUARI 2024 –
CERAMAH TAHUN
BAHARU 2024**



**8 FEBRUARI 2024 – PROGRAM BENGKEL
PENYELARASAN MODUL SISTEM
I-KAMPUS IKMAS DI IPDAS, KENINGAU**



**14 FEBRUARI 2024 – PERTANDINGAN
BADMINTON KENYALANG ANTARA
KHITOBAB**



**16 FEBRUARI 2024 - WACANA
ILMU BICARA NURANI**



**25 FEBRUARI 2024
- KURSUS ASAS
FOTOGRAFI PELAJAR
IKMAS**



**29 FEBRUARI 2024
- LATIHAN AMALI
TAZKIRAH, IMAM &
BILAL PELAJAR SERTA
KHATIB JUMAAT
IKMAS TAHUN 2024**



**2 MAC 2024 - PROGRAM ASAS
BAHASA ISYARAT (YWM)**



**7 MAC 2024 - LAWATAN
KE CENTEXS BERSAMA
PELAJAR SEMESTER
2 DIPLOMA DAKWAH
ISLAMIYYAH**



**28 MAC 2024
- MESYUARAT
AGUNG
DWITAHUNAN
KELAB IKMAS**



**30 MAC 2024 - LATIHAN IMAM & BILAL
TARAWIH RAMADAN TAHUN 2024**



**31 MAC 2024 - KEMBARA PROMOSI
IKMAS SEMPENA RAMADAN 2024**

Juh Masuk IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas serta fizikal.
2. BUKAN Warganegara yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk:-
 - a) Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
 - b) Lulus Bahasa Inggeris dan Matematik.
4. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing, mematuhi peraturan dan arahan.
5. Belum berkahwin dan sedia tidak berkahwin sepanjang pengajian.
6. LULUS ujian temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas.
2. Bukan warganegara yang mempunyai kelayakan yang SETARA dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan satu (1) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran.
4. LULUS temuduga.
5. Belum berkahwin dan sedia tidak berkahwin sepanjang pengajian.

SYARAT KELAYAKAN MASUK

PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Beragama Islam
2. Warganegara Malaysia
3. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
4. Belum berkahwin dan sedia tidak berkahwin sepanjang pengajian.
5. Lulus Peperiksaan SPM dengan syarat minimum gred dalam mata pelajaran seperti berikut:

Bil	Mata Pelajaran	Minumum Gred
1.	Bahasa Melayu	C
2.	Bahasa Arab / Al-Adab wa al-Balaghah / Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah / Turath Bahasa Arab	C
3.	Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Usuluddin / Turath al-Quran dan Sunnah / Al-Syariah / Manahij al-Ulum al-Islamiah / Turath Dirasat Islamiah / Maharat al-Quran / Manahij Ulum al-Islamiyah	C
4.	Bahasa Inggeris	E



اينستيتيوت كماهيران اسلام مليسيا سراوق

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
PETI SURAT 2867, JALAN MATANG 93050 KUCHING, SARAWAK

TEL: 082 - 843 478 / 016-585 2349
FAKS: 082 - 843 440
EMAIL: ikmas@islam.gov.my